



LAKARAN grafik Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut yang dirasmikan oleh Perdana Menteri di Besut, Terengganu, semalam. - BERNAMA

# RM1.15 bilion untuk Terengganu

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB dan KAMARUDDIN HAMZAH

pengarang@utusan.com.my

■ BESUT 16 APRIL

**K**ERAJAAN Pusat mempe-  
runtukkan RML15 bilion  
untuk melaksanakan 34  
projek di negeri ini teru-  
tama bagi menangani  
masalah banjir serta pe-  
mendapan muara, ha-  
kisan pantai dan sungai.

Menteri Sumber  
Asli dan Alam Sekitar,  
Datuk Seri Dr. Wan Ju-  
naidi Tuanku Jaafar  
berkata, peruntukan  
yang disalurkan mela-  
lui kementeriannya  
melibatkan 14 projek  
utama dengan kos  
RM1.12 bilion dan 10 projek  
kecil bagi pelaksanaan dari tahun  
2016 hingga 2017.

Katanya, sebanyak 10 projek  
bakal dilaksanakan tahun ini  
dengan peruntukan RM750 juta  
melalui Jabatan Pengairan dan  
Saliran.

“Usaha untuk faedah rakyat  
ini dibuat bukan secara ber-  
musim tetapi berterusan,”  
katanya dalam sidang akhbar  
selepas Majlis Pecah Tanah  
Projek Pemuliharaan Muara  
Sungai Besut di sini, hari ini  
yang disempurnakan oleh Per-  
dana Menteri Datuk Seri Najib  
Tun Razak.

Beliau menyenarai-  
kan projek-projek itu  
termasuk Pembangu-  
nan Lembangan Sungai  
Bersepadu (PLSB) Sun-  
gai Kemaman (RM300  
juta), pemuliharaan  
muara Sungai Setiu  
(RM150 juta), pemulih-  
araan Sungai Paka  
(RM150 juta), pemulih-  
araan Sungai Mer-  
chang (RM43 juta) dan  
Rancangan Tebatan  
Banjir Kemasik (RM60 juta).

Ia juga melibatkan projek  
naik taraf Tebatan Banjir Ke-  
masik (RM60 juta), naik taraf  
ban Pantai Lagun Setiu (RM10  
juta), pemuliharaan dan naik  
taraf Sungai Cepuh, Telemong  
(RM15 juta), tebatan banjir Gun-

tung Luar, Setiu (RM5 juta),  
tebatan banjir Kuala Terengganu  
Utara (RM10 juta) dan tebatan  
banjir Gong Kiat, Kuala Tereng-  
ganu (RM7 juta).

Menyentuh mengenai pe-  
muliharaan muara Sungai Besut  
pula yang menelan kos RM250  
juta, beliau memberitahu, pro-  
jek yang dimulakan sejak Disem-  
ber lepas, dijangka siap dalam  
tempoh tiga tahun.

“Projek ini membabitkan  
pembinaan pemecah ombak  
merangkumi 1.85 kilometer ke  
selatan dan 1.3 kilometer ke se-  
belah utara, selain pengerukan  
muara serta pembinaan kolam  
keladakan dan lapis lindung.

“Ia bertindak sebagai zon  
penanaman kepada bot nelayan dan  
pelancong daripada ombak besar  
serta angin kencang,” katanya.

Selain itu, jelas beliau, lapen  
hektar tanah di kedua-dua belah  
muara yang ditambah berpo-  
tensi dijadikan sebagai bandar  
di pesisiran sungai, sekali gus  
memberi nilai tambah kepada  
perkembangan Kuala Besut serta  
kepada transformasi Tereng-  
ganu.



WAN JUNAIDI  
TUANKU JAAFAR